

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/27 (45)

24 Julai 2023  
6 Muharram 1445

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL.6/2023

**Dekan Fakulti**

**Pengerusi Sekolah**

**Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar)**

UTM Johor Bahru & UTM Kuala Lumpur

### **PEMAKAIAN SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan surat maklumat Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris kepada Pelajar Universiti Awam bertarikh 6 Mac 2023. Merujuk surat ini pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti kursus pengajian utama iaitu Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran di Malaysia perlu memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang ditetapkan oleh Institut Pendidikan Tinggi (IPT) atau standard program dari MQA.

2. Sehubungan itu, universiti melalui Mesyuarat Senat bertarikh 29 Mac 2023 telah meluluskan Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris kepada Pelajar Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berpandukan kepada **Jadual Skor Kesetaraan Kompetensi Bahasa Inggeris** seperti mana yang dinyatakan di **Lampiran 1**.

3. Manakala, bagi pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris, UTM boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- (i) Pelajar antarabangsa dibenarkan mengikut Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman UTM yang dilaksanakan oleh Akademi Bahasa dengan had tempoh masa selama satu (1) tahun maksimum; DAN

- (ii) Pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman UTM perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* seperti di **Lampiran 1** bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)**

Menjalankan Fungsi Pendaftar

s.k - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

LAMPIRAN 1

JADUAL SKOR KESETARAAN KOMPETENSI BAHASA INGGERIS

Kompetensi Bahasa Inggeris	Jenis Peperiksaan	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
Malaysia University English Test (MUET)	MUET	B3.0		B3.5	B4.0		B4.5
International English Language Testing System (IELTS)	IELTS / IELTS Online	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	TOEFL iBT	30 - 31	33	40	46	60	79
Pearson Test of English (PTE)	PTE Academic	36	43	47	51	59	63
Cambridge English Qualifications and Test (CEQ)	(i) B1 Preliminary, B2 First (FCE), C1 Advanced (CAE), C2 Proficiency (CPE)	140	147	154	160	169	176
	(ii) Linguaskill Online						
	* Terhadap pada peperiksaan yang diambil di pusat peperiksaan Malaysia sahaja.						
Certified Intensive English Program (CIEP Level)	Certified Intensive English Program (CIEP Level)	106		107	108	109	

<b>Kompetensi Bahasa Inggeris</b>	<b>Jenis Peperiksaan</b>	<b>Minimum Skor Prasiswazah</b>	<b>Minimum Skor Pascasiswazah</b>
Malaysia University English Test (MUET)	MUET	Band 4.0 Band 5.0 (TESL)	Band 4.0 Band 5.0 (TESL)
International English Language Testing System (IELTS)	IELTS / IELTS Online	Band 5.5 Band 6.5 (TESL)	Band 6.0 Band 7.0 (TESL)
Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	TOEFL iBT	Skor 46 Skor 79 (TESL)	Skor 60 Skor 95 (TESL)
Pearson Test of English (PTE)	PTE Academic / PTE Academic (Online)	Skor 51 Skor 63 (TESL)	Skor 59 Skor 67 (TESL)
Cambridge English Qualifications and Test (CEQ)	(i) B2 First (FCE), C1 Advanced (CAE), C2 Proficiency (CPE)	Skor 160 Skor 176 (TESL)	Skor 169 Skor 180 (TESL)
	(ii) Linguaskill Online  **Terhad pada peperiksaan yang diambil di pusat peperiksaan Malaysia sahaja.		
Certified Intensive English Program (CIEP Level)	Certified Intensive English Program (CIEP Level)	Level 108	Level 109